

ANALISIS TAHAP PENGUASAAN TULISAN JAWI DALAM KALANGAN PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU DI SEBUAH UNIVERSITI DI MALAYSIA

Analysis of Jawi Writing Proficiency among Bachelor of Education (Malay Language) Students at Malaysian University

Ellya Natasha Mohd Fadzli¹ & Mohd Zikri Ihsan Mohamad Zabhi^{2*}

^{1,2} Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

¹ellynataasha28@gmail.com & ²mohdzikri@fbk.upsi.edu.my*

*Penulis koresponden

Diterima: 18 Sept 2025; **Disemak semula:** 22 Okt 2025 **Diterima:** 25 Nov 2025; **Diterbitkan:** 26 Dis 2025

To cite this article (APA): Mohamad Zabhi, M. Z. I. ., & Mohd Fadzli, E. N. (2025). Analisis Tahap Penguasaan Tulisan Jawi dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu di Sebuah Universiti di Malaysia. *Jurnal Peradaban Melayu*, 20(2), 1-10. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.2.1.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.2.1.2025>

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi menilai tahap penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Bahasa Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Reka bentuk kajian deskriptif kuantitatif digunakan melalui pengedaran soal selidik dalam talian kepada 80 orang responden. Instrumen kajian merangkumi beberapa bahagian yang menilai pengetahuan asas, kemahiran membaca dan menulis Jawi, serta kefahaman terhadap sejarah dan kepentingannya dalam Bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar berada pada tahap memuaskan, dengan majoriti responden menunjukkan penguasaan tinggi dalam aspek asas seperti pengesanan huruf dan sebutan yang tepat. Walau bagaimanapun, kelemahan dikenal pasti dalam kemahiran menulis perkataan yang lebih kompleks, termasuk penggunaan akronim dalam Jawi. Selain itu, responden turut menunjukkan kesedaran yang tinggi terhadap peranan tulisan Jawi dalam memperkaya kosa kata Bahasa Melayu dan sokongan terhadap usaha pemertabatan Jawi melalui pelbagai program pendidikan. Kajian ini mencadangkan supaya intervensi yang lebih sistematik seperti bengkel, seminar, dan penyediaan bahan rujukan komprehensif dilaksanakan bagi memperkukuh penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan bakal guru Bahasa Melayu.

Kata kunci: tahap penguasaan, tulisan Jawi, Bahasa Melayu, pelajar ISMP

ABSTRACT

This study was conducted to examine the level of Jawi writing proficiency among Bachelor of Education (Malay Language) students at Universiti Pendidikan Sultan Idris. A quantitative descriptive research design was employed, and an online questionnaire was administered to 80 respondents. The research instrument comprised several sections that assessed basic knowledge, Jawi reading and writing skills, as well as understanding of the history and significance of Jawi script in the Malay language. The findings indicate that the overall proficiency level of the students is satisfactory, with the majority demonstrating strong mastery of basic aspects such as letter recognition and accurate pronunciation. However, weaknesses were identified in writing more complex words, including those involving acronyms in Jawi. In addition, the respondents showed high awareness of the role of Jawi script in enriching Malay vocabulary and expressed support for efforts to promote its use through various educational programmes. The study suggests that more systematic interventions such as workshops, seminars,

and the provision of comprehensive reference materials should be implemented to strengthen Jawi writing proficiency among future Malay language educators.

Keywords: *proficiency level, Jawi script, Malay language, Bachelor of Education students*

PENGENALAN

Tulisan berfungsi sebagai sistem lambang visual yang mewakili bahasa dan digunakan untuk menyampaikan makna, idea, serta emosi antara manusia. Dalam konteks alam Melayu, tulisan Jawi merupakan antara sistem tulisan terawal yang wujud, iaitu hasil adaptasi huruf Arab ke dalam bahasa Melayu (Naquiah Nahar et al., 2018). Sejak awal kedatangannya, tulisan Jawi memainkan peranan penting dalam penyebaran ilmu dan pengukuhan bahasa Melayu, khususnya sebagai medium utama dalam penyampaian ajaran Islam dan perkembangan intelektual masyarakat Melayu (Mohd Puaad Abdul Malik et al., 2018).

Dari sudut sejarah, tulisan Jawi turut digunakan dalam pelbagai dokumen rasmi, termasuk perjanjian awal dengan pihak British dan beberapa dokumen penting negara seperti pengisytiharan kemerdekaan Malaysia. Hal ini menunjukkan bahawa tulisan Jawi bukan sekadar warisan sejarah, tetapi juga sebahagian daripada peradaban dan identiti negara (Muhammad Fathi Yusof, 2020).

Namun, perubahan sistem pendidikan selepas era penjajahan menyaksikan tulisan Rumi menjadi lebih dominan, sekali gus mengurangkan penggunaan Jawi dalam kehidupan harian. Walaupun begitu, kerajaan Malaysia masih mengekalkan pengajaran tulisan Jawi melalui kurikulum Bahasa Melayu dan Pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah. Malah, pelbagai inisiatif telah diperkenalkan, termasuk pengukuhan kandungan tulisan Jawi dalam buku teks sekolah rendah bagi memastikan kesinambungan pengajarannya dalam sistem pendidikan negara (Mohd Puaad Abdul Malik et al., 2018).

Kajian ini dijalankan bagi mencapai tiga tujuan utama yang berkaitan dengan penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Bahasa Melayu di sebuah universiti di Malaysia. Pertama, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar tersebut melalui penilaian aspek pengetahuan asas, kemahiran membaca dan menulis Jawi. Kedua, kajian ini meneliti hubungan dan persamaan antara tulisan Jawi dengan bahasa Melayu bagi memahami kedudukan tulisan Jawi dalam perkembangan linguistik dan budaya Melayu. Ketiga, kajian ini bertujuan mengkaji langkah-langkah yang berpotensi meningkatkan tahap penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar ISMP Bahasa Melayu, selaras dengan usaha memartabatkan tulisan Jawi dalam sistem pendidikan negara.

PENYATAAN MASALAH

Tulisan Jawi mempunyai hubungan yang rapat dengan perkembangan bahasa dan tamadun Melayu, serta menjadi warisan budaya yang penting kepada identiti bangsa. Namun demikian, kedudukannya semakin terpinggir dalam masyarakat moden, meskipun dahulu berperanan sebagai simbol jati diri Melayu (Siti Nurul Izza, 2021). Kajian Zurina Abdullah dan Adi Yasran Abdul Aziz (2020) menunjukkan bahawa peminggiran tulisan Jawi kini berada pada tahap yang membimbangkan, dengan penguasaan yang rendah dalam kalangan generasi muda. Terdapat juga persepsi dalam masyarakat bahawa tulisan Jawi tidak lagi relevan dalam era digital, sehingga menimbulkan perdebatan terbuka di media sosial.

Sikap kurang peduli terhadap warisan tulisan ini menimbulkan risiko kepada pemeliharaan identiti budaya Melayu, seperti yang ditegaskan oleh Mohd Eezan Hamdzah dan Shahlan Surat (2020). Walaupun demikian, tulisan Jawi masih mempunyai nilai yang signifikan dalam ilmu pengetahuan dan pembinaan identiti bangsa.

Kajian Noorain Syahirah Mohd Pazli dan Aminnudin Saimon (2022) turut mendapati bahawa penggunaan tulisan Jawi semakin berkurangan dalam kehidupan seharian, terutama dalam kalangan generasi muda yang kurang terdedah kepada penggunaannya dalam sistem pendidikan formal.

Situasi ini menunjukkan keperluan untuk menilai tahap penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan bakal guru Bahasa Melayu, memandangkan mereka merupakan golongan yang akan meneruskan kesinambungan pengajaran dan pemartabatan tulisan Jawi dalam sistem pendidikan negara. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu di sebuah universiti di Malaysia..

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian ini dibina berasaskan hubungan antara tiga komponen utama, iaitu pengetahuan asas tulisan Jawi, kemahiran literasi Jawi (membaca dan menulis), serta pemahaman terhadap kepentingan dan kedudukan tulisan Jawi dalam bahasa Melayu. Ketiga-tiga komponen ini berfungsi sebagai pembolehubah yang membentuk tahap penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar ISMP Bahasa Melayu.

Dalam kerangka ini, pengetahuan asas huruf dan struktur tulisan Jawi dianggap sebagai asas yang mempengaruhi keupayaan pelajar untuk membaca dan menulis dengan betul. Seterusnya, kemahiran literasi Jawi yang merangkumi kecekapan membaca dan menulis menjadi indikator utama kepada tahap penguasaan sebenar pelajar terhadap sistem tulisan tersebut. Di samping itu, kefahaman tentang sejarah, fungsi, dan kepentingan tulisan Jawi dalam bahasa Melayu berperanan sebagai faktor pengukuh yang mempengaruhi sikap, penghargaan, serta motivasi pelajar terhadap pembelajaran Jawi.

Kerangka ini turut memasukkan elemen intervensi pendidikan, seperti latihan, bengkel dan sokongan bahan pengajaran, sebagai faktor yang berpotensi meningkatkan tahap penguasaan pelajar. Keseluruhannya, hubungan antara pembolehubah asas, kemahiran literasi, dan pemahaman budaya ini membentuk satu model konseptual yang menjelaskan bagaimana tahap penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan bakal guru Bahasa Melayu dapat dinilai dan dipertingkatkan.

SOROTAN LITERATUR

Kajian Zurina Abdullah dan Adi Yasran Abdul Aziz (2020) meneliti isu peminggiran tulisan Jawi sebagai lambang jati diri Melayu melalui satu kajian tinjauan yang melibatkan pelajar di institusi pengajian tinggi dan sekolah. Dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan tulisan Jawi yang semakin lemah, khususnya dari segi kemahiran membaca dan menulis. Penyelidik menegaskan bahawa penurunan ini memberi implikasi terhadap identiti budaya Melayu, justeru mencadangkan keperluan untuk memperkukuh kurikulum Jawi, mengadakan program pemuliharaan budaya, serta meningkatkan pendedahan kepada bahan bacaan bertulisan Jawi.

Sementara itu, kajian oleh Noraziah Mohd Amin dan Noor Azam Abdul Rahman (2019) membincangkan persepsi pelajar Melayu di UNITEN tentang kedudukan pembelajaran Jawi di pelbagai peringkat pendidikan. Kajian ini mendapati majoriti responden (61%) berpendapat bahawa pengajaran Jawi telah wujud secara menyeluruh di setiap peringkat pendidikan, namun pelaksanaannya dianggap kurang berkesan dari segi pendedahan dan penguasaan sebenar. Persepsi ini mencerminkan keperluan penambahbaikan dalam kaedah penyampaian dan sokongan bahan pembelajaran Jawi.

Dalam kajian kualitatif yang dijalankan oleh Siti Nurul Izza (2021), tulisan Jawi dianalisis sebagai indikator kemajuan peradaban Melayu melalui penelitian terhadap sumber primer dan sekunder, termasuk analisis dokumen sejarah. Kajian tersebut mendapati bahawa tulisan Jawi memainkan peranan penting dalam perkembangan budaya keilmuan Melayu dan menjadi saluran utama penyebaran

pengetahuan, agama, serta tradisi intelektual. Dapatan ini menegaskan bahawa tulisan Jawi bukan sahaja sebuah sistem tulisan, tetapi juga simbol identiti dan kebijaksanaan tempatan.

Kajian oleh Mohd Eezan Hamdzah (2021) pula memberi tumpuan kepada isu-isu semasa berkaitan tulisan Jawi yang sering hangat dibincangkan dalam media sosial, termasuk kontroversi mengenai pengajaran Jawi dalam subjek Bahasa Melayu di sekolah. Kajian ini menyorot kepentingan memelihara warisan tulisan Jawi dan mencadangkan pelbagai inisiatif seperti penglibatan ibu bapa, program kesedaran budaya, dan pendekatan pedagogi kreatif untuk meningkatkan minat pelajar terhadap tulisan Jawi.

Penyelidik menegaskan bahawa kerjasama antara guru, sekolah, dan keluarga amat kritikal dalam memastikan tulisan Jawi terus dihargai oleh generasi muda.

Di Brunei Darussalam, kajian oleh Siti Badriyah Haji Mohamad Yusof dan Exzayrani Sulaiman (2015) menyelidik sikap pelajar institusi pengajian tinggi terhadap tulisan Jawi. Walaupun tulisan Jawi masih dianggap sebagai warisan budaya penting, penggunaan harian didapati semakin berkurangan, terutama disebabkan dominasi tulisan Rumi dalam komunikasi moden. Walau bagaimanapun, usaha kerajaan Brunei memperkukuh pengajaran dan penggunaan tulisan Jawi dalam bahan rasmi menunjukkan komitmen berterusan terhadap pemeliharaan warisan ini.

Kajian Sri Kartika A. Rahman, Ampuan Hj Ibrahim Ampuan Hj Tengah, dan Rozaiman Makmun (2022) pula menekankan peranan pendidikan dalam memelihara tulisan Jawi di Brunei. Mereka menelusuri sejarah pemansuhan pengajaran Jawi pada tahun 1949 dan pengembalian semula pengajaran tersebut apabila pelajar menghadapi kesukaran dalam pendidikan agama. Kajian tersebut mengesahkan bahawa masyarakat Brunei melihat tulisan Jawi sebagai lambang identiti Islam dan Melayu, dan sistem pendidikan memainkan peranan penting dalam memastikan kelangsungannya.

Di Indonesia, kajian oleh Dwi Essy Ramala (2020) menilai tulisan Jawi sebagai warisan budaya dan bahasa masyarakat Melayu melalui perspektif sosiolinguistik. Kajian ini menegaskan peranan tulisan Jawi dalam penyebaran ilmu agama dan kewujudannya dalam manuskrip lama yang menjadi khazanah intelektual Nusantara. Walaupun tidak digunakan secara meluas dalam sistem pendidikan Indonesia masa kini, dapatan kajian menunjukkan kepentingan tulisan Jawi sebagai komponen identiti sejarah dan budaya Melayu yang perlu dihargai dan dipelihara.

Keseluruhannya, jurang kritikal yang dikenal pasti ialah kekurangan kajian empirikal yang menilai tahap penguasaan tulisan Jawi secara sistematik dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu, iaitu kelompok yang bakal memainkan peranan signifikan dalam kesinambungan pengajaran Jawi di sekolah. Jurang ini mewajarkan pelaksanaan kajian semasa yang menilai secara kuantitatif tahap penguasaan Jawi, memahami cabaran yang dihadapi pelajar, serta mengenal pasti langkah-langkah yang dapat memperkukuh pembelajaran Jawi dalam konteks pendidikan tinggi di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk penyelidikan deskriptif kuantitatif bagi menilai tahap penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Bahasa Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pendekatan kuantitatif dipilih kerana ia membolehkan pengukuran sistematik terhadap pemboleh ubah kajian serta menghasilkan data numerikal yang tepat bagi tujuan analisis. Instrumen kajian terdiri daripada borang soal selidik berstruktur yang merangkumi 30 item, dibahagikan kepada empat konstruk utama iaitu pengetahuan asas Jawi, kemahiran membaca, kemahiran menulis, dan kefahaman mengenai sejarah serta kepentingan tulisan Jawi. Soal selidik tersebut dibangunkan berdasarkan literatur semasa dan disemak oleh pakar bidang bagi memastikan kesahan kandungan.

POPULASI DAN SAMPEL

Kajian ini melibatkan 80 orang responden, iaitu pelajar ISMP Bahasa Melayu yang dipilih secara rawak bertujuan bagi memastikan representasi yang lebih menyeluruh dalam kalangan populasi sasaran. Penggunaan sampel yang lebih besar daripada saiz minimum yang dicadangkan oleh jadual Krejcie dan Morgan (1970) meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian. Instrumen kajian diuji dari segi kebolehpercayaannya menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 30.0, dan nilai Alpha Cronbach yang diperoleh adalah .860, menandakan tahap kebolehpercayaan yang sangat baik serta konsistensi dalaman instrumen yang tinggi.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah borang soal selidik berstruktur yang dibangunkan khusus untuk menilai tahap penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar ISMP Bahasa Melayu. Soal selidik ini mengandungi 30 item yang merangkumi empat konstruk utama, iaitu pengetahuan asas huruf Jawi, kemahiran membaca, kemahiran menulis, serta kefahaman pelajar terhadap sejarah dan kepentingan tulisan Jawi. Item-item tersebut dibina berdasarkan sorotan literatur dan disemak oleh pakar bidang bagi memastikan kesahan kandungan. Bagi memastikan kebolehpercayaan instrumen, analisis Alpha Cronbach dijalankan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 30.0, dan nilai pekali .860 yang diperoleh menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang sangat baik. Nilai ini membuktikan bahawa instrumen adalah stabil, konsisten, dan sesuai digunakan untuk mengukur keempat-empat konstruk yang berkaitan dengan penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan responden kajian.

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Bahagian I: Demografi Responden

Analisis demografi terhadap 80 orang pelajar ISMP Bahasa Melayu memperlihatkan profil responden yang konsisten dengan trend gender program pendidikan, iaitu majoriti pelajar terdiri daripada perempuan (56 orang, 70%), manakala pelajar lelaki berjumlah 24 orang (30%). Ketidakseimbangan gender ini lazim dalam bidang pendidikan dan perlu diambil kira ketika menilai kecenderungan pedagogi pelajar terhadap tulisan Jawi. Dari segi etnik, pelajar Melayu membentuk kumpulan dominan (75%), sejajar dengan konteks penggunaan tulisan Jawi yang lebih dekat dengan masyarakat Melayu. Sebaliknya, 25% responden bukan Melayu menunjukkan bahawa minat atau pendedahan kepada tulisan Jawi turut merentasi batas etnik, yang memberi gambaran bahawa Jawi masih mempunyai nilai rentas budaya dalam konteks pendidikan tinggi. Tambahan pula, 100% responden pernah mengambil kursus BMK3022 Kemahiran Jawi, menandakan bahawa semua pelajar telah melalui proses pembelajaran formal yang memberi asas kepada penilaian tahap penguasaan mereka. Secara keseluruhannya, data demografi ini menunjukkan sampel kajian yang relevan, homogen dari segi latar pembelajaran Jawi, namun tetap diversif dalam komposisi etnik, sekali gus memberikan kekuatan kepada validiti dapatan kajian.

Bahagian II: Tahap Penguasaan Tulisan Jawi

Dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan asas tulisan Jawi yang kukuh dalam kalangan responden. Berdasarkan pola dapatan terhadap 80 responden, lebih 75% pelajar menunjukkan pengetahuan mantap dalam aspek asas seperti bilangan huruf Jawi, sebutan huruf, serta padanan antara huruf Jawi dan Rumi. Hal ini mencerminkan keberkesanan pengajaran asas Jawi dalam kursus BMK3022 dan pengalaman pembelajaran sebelum memasuki universiti. Walau bagaimanapun, aspek penguasaan lanjutan seperti menulis perkataan Rumi ke Jawi dan menyelesaikan kekeliruan huruf Jawi menyerupai masih menjadi cabaran signifikan. Lebih separuh daripada responden mengakui mereka

masih melakukan kesalahan ketika menulis, terutama apabila berhadapan dengan perkataan kompleks, akronim atau suku kata tertutup. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun pelajar memiliki asas yang kuat, kemahiran aplikasi Jawi yang memerlukan latihan konsisten masih belum optimum. Dalam aspek membaca, tahap kemahiran pelajar lebih tinggi, dengan lebih 80% responden dapat membaca ayat Jawi dengan lancar. Keadaan ini menunjukkan jurang kemahiran antara membaca dan menulis masih wujud, sejajar dengan teori pemerolehan bahasa yang menyatakan bahawa membaca biasanya dikuasai lebih awal dan lebih baik daripada menulis. Maka, dapatan Bahagian II menegaskan keperluan intervensi pedagogi tambahan khususnya untuk aspek penulisan Jawi.

Bahagian III: Hubungan dan Persamaan antara Tulisan Jawi dan Bahasa Melayu

Analisis dapatan bahagian III menunjukkan bahawa pemahaman pelajar terhadap hubungan antara tulisan Jawi dan bahasa Melayu adalah tinggi dan selaras dengan fakta sejarah serta linguistik. Lebih 90% responden menyatakan persetujuan bahawa tulisan Jawi memainkan peranan penting dalam evolusi bahasa Melayu dan menjadi medium utama dalam penyebaran ilmu sebelum penjajahan. Pemahaman ini bukan sahaja menunjukkan kesedaran budaya pelajar, tetapi juga menandakan keterikatan Jawi dengan identiti bahasa Melayu pada peringkat konseptual dan akademik. Dari perspektif linguistik, sekitar 80% hingga 95% responden mengakui wujudnya persamaan tatabahasa, sebutan, dan padanan huruf Jawi dengan Rumi, sekali gus membuktikan bahawa pelajar memahami struktur asas kedua-dua sistem tulisan tersebut. Dapatan ini turut menunjukkan bahawa pelajar mengiktiraf fungsi Jawi dalam memudahkan pembacaan teks Melayu Klasik, dan ini mencerminkan kefahaman mereka terhadap nilai filologi Jawi. Selain itu, sokongan pelajar terhadap pandangan bahawa bahasa Melayu dan Jawi saling melengkapi dalam pengajaran bahasa menggambarkan kesediaan mereka menerima Jawi bukan sebagai unsur asing, tetapi sebagai sebahagian daripada ekosistem pembelajaran Bahasa Melayu. Justeru, dapatan ini mengukuhkan hujah bahawa kesedaran kognitif pelajar terhadap Jawi adalah tinggi, tetapi kemahiran teknikal masih perlu diperkasakan.

Bahagian IV: Langkah Meningkatkan Penguasaan Tulisan Jawi dalam Kalangan Pelajar Universiti

Analisis bahagian IV menunjukkan tahap kesediaan dan sokongan pelajar yang sangat tinggi terhadap usaha pemeraksanaan tulisan Jawi di universiti. Hampir 90% responden menyokong cadangan penggunaan Jawi secara lebih meluas dalam ekosistem universiti, termasuk pada papan tanda, bahan pembelajaran dan tugas kursus. Ini mencerminkan keinginan pelajar untuk melihat Jawi diaplikasikan secara autentik dalam persekitaran sebenar, bukan sekadar diajar dalam bilik kuliah. Cadangan pentadbiran seperti menjadikan kursus Jawi sebagai kursus wajib turut disokong oleh lebih 85% responden, menunjukkan kepercayaan bahawa pendedahan sistematik mampu meningkatkan penguasaan pelajar. Dalam konteks pembangunan kemahiran, 100% responden menyokong penganjuran bengkel, seminar dan kursus asas Jawi secara berkala, manakala lebih 95% menyokong penebatan kelab pencinta Jawi sebagai platform pembelajaran tidak formal. Selain itu, cadangan seperti mengadakan pertandingan Jawi dan pameran sejarah Jawi menerima sokongan hampir menyeluruh, menandakan bahawa pelajar melihat nilai sosio-budaya Jawi melebihi sekadar penggunaan linguistik. Kesimpulannya, sokongan tinggi terhadap pelbagai langkah pemeraksanaan menunjukkan bahawa pelajar bukan sahaja sedar akan kepentingan Jawi, tetapi turut bersedia menjadi agen yang terlibat dalam pemertabatan tulisan Jawi di institusi pendidikan tinggi.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar ISMP Bahasa Melayu memiliki tahap penguasaan yang tinggi dalam aspek asas tulisan Jawi, terutamanya dari segi pengecaman huruf, padanan Jawi–Rumi serta sebutan huruf. Peratusan responden yang tinggi dalam pengetahuan asas tulisan Jawi menunjukkan bahawa literasi asas telah terbina dengan baik, sejajar dengan dapatan Ahmad Amzari Yacob et al. (2015) yang mendapati majoriti pelajar menguasai penulisan dan bacaan Jawi pada tahap yang baik.

Dari perspektif teori pemerolehan bahasa behavioris, penguasaan asas ini menandakan bahawa pelajar telah melalui proses pengulangan dan pengukuhan berterusan, yang seterusnya memperkukuh representasi mental huruf Jawi dalam ingatan jangka panjang mereka.

Walau bagaimanapun, kesukaran yang dialami pelajar dalam menulis perkataan kompleks, termasuk akronim, menunjukkan wujudnya jurang antara pengetahuan asas dan aplikasi lanjutan Jawi. Kesukaran ini selaras dengan dapatan Noorain Syahirah Mohd Pazli dan Aminnudin Saimon (2022), yang melaporkan bahawa kemahiran menulis Jawi lazimnya lebih rendah berbanding kemahiran membaca. Menurut teori pemprosesan maklumat, penulisan memerlukan integrasi kemahiran orthografi, fonologi dan motorik halus; maka tidak menghairankan bahawa menulis Jawi menjadi cabaran kerana memerlukan pemilihan huruf yang tepat dan penyambungan simbol yang konsisten.

Di samping itu, faktor afektif turut mempengaruhi penguasaan Jawi. Kajian Ahmad Amzari Yaccob et al. (2015) menunjukkan kewujudan rasa takut atau stigma bahawa Jawi adalah sistem tulisan yang sukar atau lapuk. Faktor ini berkait dengan teori sosiolinguistik yang menjelaskan bagaimana persepsi sosial boleh membentuk motivasi dan sikap pelajar terhadap sesuatu sistem tulisan. Keseluruhannya, dapatan kajian ini mengesahkan bahawa walaupun literasi asas Jawi adalah tinggi, kemahiran aplikasi penulisan memerlukan pengukuhan melalui latihan yang sistematik dan pendedahan yang berterusan.

Analisis berikutnya menunjukkan bahawa mahasiswa mempunyai tahap kesedaran linguistik dan budaya yang tinggi terhadap hubungan antara tulisan Jawi dan bahasa Melayu. Peratusan responden yang tinggi dalam kategori "setuju" dan "sangat setuju" mengesahkan pemahaman bahawa Jawi merupakan sistem tulisan yang memainkan peranan penting dalam perkembangan bahasa, sastera dan peradaban Melayu. Kefahaman ini selaras dengan pandangan ilmiah Abdullah dan Abd. Aziz (2020), yang menegaskan bahawa Jawi bukan sahaja sebuah sistem tulisan, tetapi juga lambang identiti Melayu yang terikat secara sejarah dengan penyebaran Islam dan keilmuan Nusantara.

Dari sudut linguistik, dapatan menunjukkan pelajar menyedari persamaan struktur tatabahasa dan sebutan antara Jawi dan bahasa Melayu. Kesedaran ini penting kerana menurut teori linguistik struktural, pemahaman hubungan antara sistem bunyi dan sistem tulisan memperkukuh kecekapan fonologi dan orthografi pelajar. Kesedaran responden bahawa Jawi membantu pemahaman teks Melayu Klasik juga bertepatan dengan dapatan Siti Nurul Izza (2021), yang menekankan bahawa Jawi merupakan saluran penting bagi pemindahan ilmu dan warisan intelektual Melayu.

Selain itu, persepsi positif pelajar terhadap hubungan antara Jawi dan bahasa Melayu memberi gambaran bahawa Jawi masih dilihat sebagai sesuatu yang relevan dalam konteks pembelajaran bahasa moden. Dalam perspektif teori ekologi bahasa, kelangsungan sesuatu sistem tulisan bergantung pada peranan sosial dan budaya yang diberikan oleh komuniti penuturnya. Dengan itu, dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar ISMP memiliki kesedaran identiti budaya yang kukuh, sekali gus memperkukuh rasional bahawa penguasaan Jawi perlu dikekalkan dalam pendidikan tinggi, khususnya bagi bakal guru Bahasa Melayu.

Dapatan seterusnya menunjukkan bahawa pelajar memberikan sokongan yang sangat tinggi terhadap pelbagai inisiatif untuk memperkukuh penguasaan tulisan Jawi di universiti. Sokongan terhadap penyediaan bahan bacaan Jawi, penganjuran bengkel, seminar, kelab akademik, dan penggunaan Jawi dalam tugas menunjukkan kesediaan pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam pengayaan kemahiran Jawi. Hal ini sejajar dengan teori konstruktivisme sosial yang menekankan bahawa pembelajaran menjadi lebih berkesan apabila pelajar terlibat dalam aktiviti kolaboratif, autentik dan berasaskan komuniti.

Sokongan pelajar terhadap pengintegrasian Jawi dalam persekitaran universiti juga konsisten dengan dapatan kajian luar seperti Siti Badriyah Mohamad Yusof dan Exzayrani Sulaiman (2015), yang melaporkan bahawa pengukuhan penggunaan Jawi dalam bahan rasmi dan pendidikan dapat meningkatkan sikap positif terhadap tulisan tersebut. Di samping itu, kajian di Brunei oleh Sri Kartika

A. Rahman et al. (2022) menunjukkan bahawa pendidikan formal memainkan peranan penting dalam memastikan survival tulisan Jawi; maka sokongan pelajar terhadap kursus wajib Jawi dan latihan asas menunjukkan bahawa mereka menyedari hakikat ini.

Dapatan kajian ini juga memiliki implikasi signifikan terhadap latihan perguruan. Sebagai bakal guru, kesediaan pelajar untuk menerima intervensi tambahan menunjukkan potensi untuk melahirkan generasi pendidik yang mampu memartabatkan Jawi di sekolah. Berdasarkan teori literasi budaya, keberkesanan penyampaian ilmu warisan seperti Jawi bergantung pada kompetensi dan keyakinan guru dalam menyampaikan kandungan. Justeru, penyediaan program pengayaan Jawi di peringkat universiti bukan sahaja relevan, tetapi penting bagi memastikan kesinambungan penguasaan tulisan Jawi pada masa hadapan.

KESIMPULAN

Kajian ini merumuskan bahawa pelajar ISMP Bahasa Melayu mempunyai tahap penguasaan asas tulisan Jawi yang kukuh, khususnya dalam pengecaman huruf, sebutan dan membaca, namun masih berhadapan dengan cabaran dalam kemahiran penulisan, terutama bagi perkataan yang kompleks dan melibatkan struktur orthografi yang lebih sukar. Walaupun demikian, tahap kesedaran pelajar terhadap hubungan linguistik dan budaya antara tulisan Jawi dan bahasa Melayu adalah tinggi, sekali gus menunjukkan penghargaan yang mendalam terhadap peranan Jawi sebagai warisan intelektual dan identiti tamadun Melayu.

Dapatan juga mengesahkan bahawa pelajar menunjukkan kesediaan yang signifikan untuk terlibat dalam pelbagai inisiatif pemerkasaan tulisan Jawi, menunjukkan bahawa penguasaan tulisan ini berpotensi untuk terus diperkuat melalui intervensi pedagogi yang sistematik dan sokongan institusi pendidikan.

Dapatan kajian ini membawa implikasi penting kepada pendidikan tinggi dan latihan perguruan, khususnya dalam bidang pengajaran Bahasa Melayu. Penguasaan asas yang baik tetapi kelemahan dalam penulisan menunjukkan perlunya universiti menstruktur pengajaran Jawi secara lebih holistik dengan menekankan latihan aplikasi lanjutan dan aktiviti integratif yang menguatkan kemahiran menulis. Sebagai bakal guru, tahap kecekapan Jawi yang tinggi adalah kritikal untuk memastikan kesinambungan pengajaran tulisan Jawi di sekolah, justeru latihan perguruan perlu menekankan pembinaan kemahiran yang bukan sahaja teknikal tetapi juga berbentuk pedagogi dan budaya. Implikasi lebih luas turut melibatkan aspek pemeliharaan warisan bahasa, kerana kefahaman pelajar terhadap nilai sejarah dan identiti Jawi menunjukkan potensi besar untuk memperkukuh warisan ini sekiranya diberikan sokongan pendidikan yang sesuai.

Kajian ini mencadangkan agar pengajaran tulisan Jawi di universiti diperkukuh melalui latihan penulisan berstruktur, penganjuran bengkel atau kursus pengayaan Jawi secara berkala, dan pengintegrasian penggunaan Jawi dalam tugas akademik bagi memastikan pelajar mengaplikasikan kemahiran secara konsisten. Selain itu, universiti disaran mewujudkan komuniti pembelajaran atau kelab Jawi sebagai platform sokongan dan pembudayaan Jawi dalam kalangan pelajar. Kerjasama strategik antara institusi pendidikan, badan budaya dan agensi bahasa seperti Dewan Bahasa dan Pustaka turut dicadangkan bagi menyediakan pengalaman pembelajaran autentik dan memperluas penggunaan Jawi dalam pelbagai konteks akademik serta sosial. Dengan pelaksanaan langkah-langkah ini, kemahiran pelajar bukan sahaja dapat dipertingkatkan, tetapi juga menyokong usaha memartabatkan tulisan Jawi sebagai komponen penting warisan bahasa Melayu.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Institut Peradaban Melayu atas kesudian menerbitkan jurnal ini dan atas komitmen berterusan dalam memartabatkan penyelidikan berkaitan warisan tulisan Jawi dan peradaban Melayu. Pengkaji menghargai sokongan moral dan intelektual daripada keluarga serta rakan seperjuangan yang terus menjadi pendorong dalam usaha mengembangkan khazanah ilmu dan memperkaya wacana peradaban Melayu.

RUJUKAN

- Abdul Latip, N. S. (2018). Daya saing tulisan Jawi dan potensi kod Jawi dalam menghadapi era globalisasi. *Sains Insani*, 3(1), 38–45.
<https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol3no1.22>
- Abdullah, A., & Abd. Aziz, A. (2020). Pemeliharaan tulisan Jawi dalam konteks pendidikan dan budaya Melayu. *Jurnal Bahasa dan Budaya Melayu*, 15(3), 45–55.
- Ahmad Amzari Yaccob, Aminuddin Abd. Latif, Mohd. Mawardi Mohd. Kamal, et. al. (2015). *Penguasaan penulisan dan bacaan Jawi di kalangan pelajar UiTM Pahang*. Kertas kerja dibentangkan di Konferensi Akademik 2015, UiTM Cawangan Pahang.
- Ahmad Munawar Ismail, & Mohd Nor Shahizan Ali. (2020). *Mengenali kuantitatif & kualitatif dalam penyelidikan pengajian Islam*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amat Juhari Moain. (1995). Tulisan Jawi sebagai wahana pelestarian bahasa, budaya dan tamadun dunia Melayu. Dalam *Kongres Bahasa Melayu Sedunia: Kumpulan Kertas Kerja* (Jilid I, hlm. 150–162).
- Asyraf Ridwan Ali, & Berhanundin Abdullah. (2015). Falsafah pendidikan Jawi dalam memperkasakan tamadun Islam di Malaysia. Dalam *International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century* (hlm. 574–585). Universiti Sultan Zainal Abidin.
- David Lim, & Nor Azizah Salleh. (2010). *HBEF2503: Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan*. Open University Malaysia.
- Hamsa, M. A., & Hamzah, I. (2017). Membantu meningkatkan kemahiran membaca Jawi dalam kalangan murid Tahun 6 di daerah Kota Marudu. Dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Sains dan Teknologi dalam Pendidikan 2017* (hlm. 278–289). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hashim. (2019). Pemeraksanaan tulisan Jawi dahulu dan kini. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 2(1), 29–37.
- Hendriani, D. (2017). Peranan tulisan Jawi dalam perkembangan Islam di Indonesia. *Jurnal Qolamuna*, 3, 37–54.
- Ibrahim, R., Embong, R., Abdul Kadir, F. K., & Hashim, H. A. (2019). Pemeraksanaan tulisan Jawi dahulu dan kini. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 2(1), 29–37.
- Intan Fairuzzah Abdullah, Ramlee Ismail, & Khoo Yin Yin. (2023). Pengukuran kesahan dan kebolehpercayaan instrumen sikap dan minat dalam kalangan pelajar Ekonomi Tingkatan Enam. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(1), e002041.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.2041>
- Jaafar, F., Osman, R., Saidin, K., & Abdan, N. (2017). Kesan pembelajaran koperatif dan tradisional terhadap pencapaian akademik penguasaan kemahiran Jawi. *Ulum Islamiyyah: The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 19, 58–70.
- Kamus Dewan (Edisi Keempat). (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamsur, N. (2015). Tahap penguasaan, sikap dan minat pelajar Kolej Kemahiran Tinggi MARA terhadap mata pelajaran Bahasa Inggeris (Laporan projek sarjana tidak diterbitkan). Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohamad Yusoff, M. R., & Zulkifli, H. (2021). Tahap kefahaman dan kemahiran pengajaran mata pelajaran Jawi dalam kalangan Guru Pendidikan Islam. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5, 1–14.

- Mohd Amin, N., & Abdul Rahman, N. A. (2019). Persepsi pelajar Melayu UNITEN terhadap pembelajaran tulisan Jawi di pelbagai peringkat pendidikan di Malaysia. *Jurnal Sains Insani*, 4(1), 7–14. <https://doi.org/10.33102/jsi2019.4.1.02>
- Mohd Eezan Hamdzah, & Shahlan Surat. (2020). Pemupukan minat terhadap Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23(2), 103–109.
- Mohd Puaad Abdul Malik, Rahimin Affandi Abd. Rahim & Ahmad Farid Abd Jalal, et. al (2018). Kitab Jawi dan pengilmuan masyarakat Melayu. *Jurnal Al-‘Ulwan*, 3(1), 34–57.
- Naquiah Nahara, Jimaain Safara, Ahmad Kilani Mohamed, et. Al. (2018). Perkembangan tulisan Jawi dalam konteks pendidikan di negeri Johor. *Jurnal Penyelidikan Pusat Islam Iskandar*, 1, 16–29.
- Noorain Syahirah Mohd Pazli & Aminnudin Saimon. (2022). Tahap penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan golongan muda, pertengahan, dan warga emas. *Jurnal Pendidikan Islam*, 10(1), 1–15.
- Noraziah Mohd Amin, & Rahman, A. (2019). Persepsi pelajar Melayu UNITEN terhadap pembelajaran tulisan Jawi di pelbagai peringkat pendidikan di Malaysia: Sejauh mana usaha-usaha meluaskan pembelajaran Jawi dapat dilaksanakan? *Jurnal Sains Insani*, 4(1), 7–14.
- Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan. (2020). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Awang Azman Awang Pawi, Ahmad Farid Abd Jalal, et al. (2019). Kitab Jawi sebagai karya kearifan tempatan Melayu: Analisis sejarah intelektual. *Jurnal Al-Banjari*, 1, 49–84.
- Shapii, A., Mahayuddin, Z. R., & Othman, S. (2020). Jom Jawi: Meningkatkan penguasaan bahasa Jawi di kalangan murid sekolah rendah menggunakan media interaktif. *Journal of Communication, Language and Culture*, 2(3), 212–230.
- Siti Nurul Izza Hashim, Roziah Sidik @ Mat Sidek & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad (2021). Tulisan Jawi pelopor keilmuan di Alam Melayu: Satu kajian awal. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 32(2), 19–34.
- Zainuddin, M. N. (2020). Sumbangan Bukhari Lubis dalam bidang Jawi dan khat: Pedoman kepada pemimpin sekolah dan pendidik menjadi pemimpin berkualiti. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 18(2), 74–91.
- Zurina Abdullah, & Adi Yasran Abdul Aziz. (2020). Peminggiran tulisan Jawi sebagai lambang jati diri Melayu: Satu kajian tinjauan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 7(2), 244–255.